



DZULKEFLI MUSTAPHA | BERITA HARIAN

DAPAT ANUGERAH: Mohd Fadzil dan Dayana menerima anugerah kecemerlangan akademik dan kurikulum pada majlis Konvokesyen ke-15 Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan semalam.

Tujuh lagi politeknik baru dalam RMK-9

Oleh Nor Aziah Othman

PORT DICKSON: Pembinaan tujuh lagi politeknik dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) mampu mengurangkan keberantungan negara kepada tenaga kerja asing, terutama dalam bidang kemahiran tinggi.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr Mohd Taib Hashim, berkata pembinaan politeknik baru ini antara perancangan kementerian terbabit untuk meningkatkan mutu pendidikan kemahiran negara.

Katanya, bagi mencapai hasrat itu, kementerian juga sedang dalam proses meningkatkan kemudahan li semua 20 politeknik sedia ada di seluruh

negara untuk melahirkan graduan berkualiti, termasuk dalam bidang kemahiran tinggi.

"Segala perancangan dan usaha yang diambil adalah untuk meningkatkan mutu pendidikan negara, terutama dalam kemahiran tinggi, sekali gus kita tidak lagi perlu mengambil tenaga kerja asing," katanya ketika berucap merasmikan majlis Konvokesyen ke-15 Politeknik Port Dickson (PPD), di sini semalam dan menyampaikan sijil serta diploma kepada 930 graduan politeknik berkenaan.

"Kita bukan saja menerapkan latihan kemahiran dan ketrampilan kepada pelajar, tetapi pendedahan kepada pekerjaan sesuai dengan kehendak majikan," katanya.

Sementara itu, Mohd Fadzil Abdillah Mohd, 24, dipilih menerima Anugerah Kecemerlangan dan Kokurikulum PPD peringkat diploma, manakala Dayana Mohd Yusof, 20, menerima anugerah sama peringkat sijil.

Mohd Fadzil, graduan Diploma Pemasaran dari Shah Alam, Selangor, berkata beliau sebelum ini gagal menamatkan pengajian di Universiti Tekonologi Mara (UiTM), tetapi ia tidak dijadikan alasan untuk berputus asa.

Dayana berterima kasih kepada sokongan ahli keluarga, terutama kakaknya di London sehingga mampu lulus dengan cemerlang bidang Kejuruteraan Elektrik di PPD.

Gadis berasal dari Tampin itu juga berhasrat melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi dalam bidang kejuruteraan yang amat diminatinya.

FAKTA NOMBOR

Pendidikan dalam RMK-9

20

Jumlah Politeknik seluruh negara

930

Graduan Politeknik PD terima diploma, sijil

BA 17/11/06